


Cerpen



Hadiah Berbalut Merah Jambu

PROFIL



Jelison Jupin berasal dari Beluran, Sabah, kini penuntut Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama (PBMP) di Fakulti Pengajaran Pendidikan (FPP), Universiti Putra Malaysia (UPM). Puisi dan cerpenya tersiar di *BH Ahad*, *Mingguan Malaysia*, *Tunas Cipta* dan *Dewan Siswa*.

Bara api yang membalut hati Suraya makin menyala-nyala. Kata ayahnya untuk tidak mencampuri urusannya sama sekali, membuat dirinya kian dihurung amarah. Entah kenapa hatinya bagai dipanah sembilu bermata luka apabila ayahnya mengatakan ibunya pun turut bersalah dalam perselisihan faham itu. Baginya ibunya tidak bersalah sama sekali.

"Ibu cuma menegurnya," bidasnya lantang mempertahankan ibunya.

Zaid menjengilnya tajam. Teha hanya mendiamkan diri di sisi anak sulungnya itu.

Dia tahu ayahnya akan menyebelahi Tina. Seorang anak yatim piatu yang sudah dianggapnya sebagai anak angkat setelah kematian ibunya akibat menghadapi kanser usus setahun lalu. Sebenarnya Zaid sekeluarga pernah menjaga Tina dan ibunya hampir dua tahun di rumah itu. Zaid sebelum ini pun sudah amat menyeyangi anak kecil itu. Bagai adik bongsu mereka saja lagaknya. Ketul hatinya benar-benar dicengkam sakit.

Ibunya bukan buat salah apa pun cuma menegurnya supaya menggunakan air yang ditadah dalam baldi itu dengan jimat. Maklumlah seluruh kawasan taman itu akan menghadapi masalah air selama hampir tiga hari. Namun, tegurannya itu dibalas Tina dengan satu tamparan padu dan balingan telefon

bimbit ke mukanya.

"Manusia jenis apakah Tina ini? Tidak tahu menghargai langsung pertolongan yang diberikan selama ini," desis hati Suraya dengan segunung marah selepas ibunya mencecitkan segalanya kepadanya. Air matanya melimpahi birai matanya.

Tina semakin mencabarku! Fikirnya geram.

Masuk saja di pintu rumah itu, Suraya menghempaskan beg galas dan beg tangannya di atas sofa. "Mana Tina," jeritnya menelan suara televisyen 32 inci di ruang tamu itu.

"Tina masih di sekolah Su," sahut Teha terpinga-pinga. Teha seperti terkejut beruk dengan kehadiran Suraya tiba-tiba di ruang tamu itu. Suraya tidak memberitahunya dia akan pulang hari itu.

Usai saja melihat ibunya, dia terus mendakapnya erat sambil menangis di bahunya.

"Ibu tidak apa-apa," soalnya sambil melepaskan dakapannya melihat-lihat kalau-kalau ada bekas lebam pada wajah ibunya. Ya, memang ada bekas jemari tangan di pipi kusam ibunya itu. Suraya mengesat air mata. Degup jantungnya kian kencang. Ada amarah menggunung yang tumbuh mekar di dadanya.

"Sudahlah nak. Ibu tidak apa-apa. Cuma ibu sedikit terkilan dengan sikap Tina. Tak mengapa, bila dia besar nanti dia pasti akan sedar kesilapannya." Teha cuba memujuk Suraya supaya tidak meneruskan niatnya untuk memarahi Tina.

"Suraya tak boleh biarkan dia memukul ibu sesuka hati," luahnya lembut sambil mendakap erat semula ibu kesayangannya.

Setelah reda sedikit marahnya. Suraya menyuruh ibunya berehat.

"Bagi peluang Su masak hari ini. Rindu nak buat kerja kat dapur ni," ujarnya sambil mengukir senyum manis di bibirnya. Manja pada ibunya masih berputik subur walau hatinya meracau tidak berpuas hati dengan tindakan adik angkatnya itu.

Sebenarnya itulah sikap Suraya sejak baru berumur 12 tahun. Sikap yang menjadi pujian jiran tetangga. Walau pun Teha memarahinya supaya tidak membantunya di dapur. Disuruhnya belajar, menyiapkan kerja sekolah, berehat dan sebagainya, dia tetap berdegil. Begitu jugalah dengan sikap adiknya Suria yang kini sedang menuntut dalam program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer di UNIMAS. Sikap dua beradik ini sama saja. Tetapi sebenarnya kemahiran itulah yang banyak membantu mereka semasa berada di tempat orang; terbabit dengan kem, program sukarelawan, PLKN, PALAPES dan sebagainya ketika di sekolah menengah dan universiti. Tidak ramai anak gadis zaman sekarang yang mampu melakukan kerja-kerja dapur seperti itu dengan baik dan teratur.

"Ayah, salahkah ibu menegur sikap Tina itu sehingga dia memukul ibu?" air mata Suraya mengalir lesuh di pipinya. "Ayah pula turut memarahi ibu. Teganya ayah pada

ibu," sambungnya lagi. Sebak di hatinya tidak dapat ditahan lagi.

Sikap ayahnya yang seperti menyebelahi Tina memang sangat-sangat membuat api amarahnya menjulang tinggi.

"Ayah, saya tahu ayah sangat menyayangi Tina tapi kenapa ayah tak menegurnya? kenapa Ayah tak memberitahunya bahawa apa yang dilakukannya itu salah?"

Zaid terus membisu. Mata dan telinganya tertacap pada aksi Wayne Rooney penyerang Manchester United yang sedang membawa bola pada skrin televisyen itu. Dia seperti malas hendak melayan Suraya yang baginya bersikap keanak-anakkan.

Hati Suraya terasa sangat sakit apabila hero yang diharapkannya untuk menyelesaikan masalah itu langsung tidak mengendahkannya. Memang benarlah apa yang difikirkannya dengan Suria bahawa ayahnya menyebelahi Tina, anak angkat itu daripada mereka.

"Kenapa ayah tidak hantar saja Tina tinggal dengan abang-abangnya?" soal pula Suraya dengan suara yang agak meninggi. Nafas dari dadanya semakin laju. Giginya diketap rapat-rapat.

"Hei, diam! Jangan sesekali mencampuri urusan ayah," jerkah Zaid memarahi Suraya apabila mendengar saja niat Suraya supaya menghantar Tina tinggal dengan abang-abangnya.

Suraya terkedu. Teha cepat-cepat mendakap Suraya.

Sudah seminggu kembali di UPM, dia tidak pernah menelefon ayahnya. Pada hal itulah rutinnya sebelum itu. Dia tidak akan senang duduk kalau sehari tidak menelefon ayah dan ibunya untuk memberitahu perkembangan dirinya. Terkadang dua tiga kali sehari dia menelefon orang tuanya itu. Baginya walau se sibuk apa pun, itulah kewajipan seorang anak, lagi-lagi anak perempuan apabila berjauhan dengan mak ayah.

Tapi kali ini, Suraya benar-benar terpaksa untuk melupakan niatnya menelefon ayahnya. Dia cuma menelefon ibunya.

"Ayah macam mana ibu, sihat?" dia bertanya.

"Ayah kamu sihat, nak. Cuma kebelakangan ni, ibu lihat dia sedikit murung," balas Teha lembut.

Suraya tertunduk mendengar kata-kata ibunya dari telefon tangan itu. Air matanya mengalir tanpa salam menyisir pipinya yang kelihatan sudah beberapa hari kelihatan kusam.

"Tak apalah ibu. Ibu kat sana jaga diri. Sayang ibu," katanya tersekat-sekat sebelum menamatkan panggilan telefon.

Hadiah berbalut kertas merah jambu yang sampai ke biliknya itu, mengingatkannya bahawa hari itu adalah hari ulang tahunnya yang ke-23. Tarikh itu ingat-ingat lupa di kepalanya. Kawan-kawannya pun menyepi kerana Suraya sendiri kurang mempedulikan mereka sejak masalah keluarganya menimpa.

Dia tahu, itu hadiah daripada ayahnya. Sejak dia memberitahu ayahnya bahawa warna kegemarannya merah jambu maka setiap hadiah daripada ayahnya itu mesti merah jambu dan berbalut kertas merah jambu. Tulisan 'Selamat Ulang Tahun Suraya. Daripada Ayah'

di atas kotak kecil itu menggamit air matanya supaya mengalir membasahi pipi mulusnya mengucapkan selamat ulang tahun mewakili ayahnya.

Dengan rasa bersalah dan marahnya yang belum surut terhadap ayahnya, dia meletakkan saja hadiah berbalut merah jambu itu di atas meja. Dia kemudian menangkupkan bantal kekabu yang dibuat neneknya dari kampong menutupi suara tangisnya.

Sudah dua hari, hadiah pemberian ayahnya belum berusik. Hanya menjadi perhiasan di atas meja bersama buku-buku ilmiah perubatan. Semasa mandi petang itu, tiba-tiba kuku yang sudah seminggu tidak dipotong itu, mengoskan luka kecil pada kulit tangan kirinya. Dia cepat-cepat menghabiskan mandinya dan luka itu ditampal dengan hansaplast. Selesai solat maghrib. Nada dering panggilan telefonnya memecahkan bening bilik kecil itu. Nombor panggilan itu tidak dikenalnya.

“Assalamualaikum nak. Kamu kena cepat-cepat balik. Ayah kamu tenat di hospital kerana kemalangan.” Belum sempat dijawab suara panggilan itu panggilan itu sudah dimatikan. Berderau darahnya mendengar khabar itu. Benarkah itu? Ah! Aku kena balik segera, fikirnya rungsing. Tubuhnya terasa menggigil dingin. Dia cepat-cepat mencapai kunci keretanya dan barang-barang pentingnya.

Sudah genap dua hari ayahnya bersemadi dengan sempurna. Tangis sendu Suraya masih belum berhujung. Dia dihimpit rasa bersalah yang teramat sangat. Ampun dan maaf tidak sempat diminta daripada seorang ayah yang membesarkannya penuh kasih sayang. Terkadang rasa benci terhadap Tina masih lagi menghantui dirinya namun tidak lagi dilayannya. Suria sudah banyak kali memujuknya namun masih juga buntu. Tega juga masih menanggung kesedihan atas pemergian suami tersayang.

Malam yang bening itu Tega pun masuk ke kamar Suraya. Dia mengusap-ngusap ubun-ubun Suraya dengan penuh kasih sayang. Di hatinya terdetik sesalan kerana pergaduhan kecil itu diceritakannya pada Suraya hingga menyebabkan anak dara sulungnya itu memberontak terhadap ayahnya sendiri. Walau bagaimana pun pesan Zaid sebelum menghembuskan nafas terakhir itu harus disampaikan kepada Suraya. Dia mendakap Suraya erat-erat sambil mencium dahinya beberapa kali.

“Sayang, sebelum ayah kamu pergi... di pangkuan ibu. Dia sempat berpesan supaya kamu, Suria dan Tina pandai-pandai menjaga diri dan terus menggapai kejayaan.” Suara Tega tersekat-sekat tidak dapat menahan sebak. Suraya juga tersedu-sedan. Dakapannya makin erat pada ibunya. “Katanya lagi... semua yang kamu tanyakan tempoh hari... ada dijawabnya dalam surat hadiah ulang tahun kamu,” sambungnya sambil mengesat air matanya sendiri.

Suraya terdongak sambil dadanya terangkat-angkat. Dia terus mengambil beg tangannya dan mengeluarkan hadiah berbalut merah jambu yang sudah sekian minggu tidak terusik itu.

Dia pun mengoyakkan pembalut kotak kecil itu dan membukanya. Sekeping surat dilipat dua setia masih di situ. Suraya pun membaca tulisan tangan ayah kesayangannya itu;

Suraya, anak kesayangan ayah. Terlebih dahulu ayah ingin meminta maaf kerana memarahimu tempoh hari. Ayah minta maaf sayang.

Sedu-sedan Suraya semakin kencang. Air matanya kian deras melimpahi pipinya yang disamari neon kamar. Tega mendakapnya erat-erat.

Ayah tidak menyebelahi ibumu atau Tina. Ayah cuma nak kamu tahu yang Tina seorang anak yatim piatu. Dia sangat-sangat perlukan ayah dan kita semua. Ya, mungkin tempoh hari kamu tidak melihat ayah menegur sikapnya atau memarahinya. Kerana ayah ingin menjaga hatinya yang masih terlalu muda. Tanpa pengetahuan kamu, ayah menegurnya diam-diam. Ayah memarahinya senyap-senyap. Dan dia berjanji dengan ayah, dia akan mengubah sikapnya.

Suraya mengesat air matanya. Sendunya masih lagi bergoncang memenuhi ruang dadanya. Kenapa ayah tidak katakan ini semua kepadaku? Soal hatinya menggerutu.

Ayah dulu pernah menjadi anak yatim piatu. Tidak ada tempat bergantung. Ayah tahu rasanya. Ayah tahu seksanya. Bukan ayah tidak mempercayai abang-abangnya. Kamu tahu sendirikan sikap abangnya, nak jaga mak dia masa sakit pun susah. Di sini ayah mohon, terimalah Tina sekali lagi dalam keluarga kita. Ayah mahu melihat dia hidup bahagia bersama kita.

Suraya, Sekali lagi ayah minta maaf. Selamat ulang tahun, Sayang. Semoga selalu tersenyum dan berada dalam lindungan Tuhan.

Suraya menangis semahunya dalam dakapan ibunya.

“Ibu, Tina tengah berkemas. Kononnya abangnya akan datang mengambilnya sebentar lagi,” tiba-tiba Suria terpancut membuka pintu kamar yang diselubungi kesedihan itu.

“Jangan... jangan suruh dia pergi. Panggil dia ke sini,” suruh Suraya sambil mengesat air matanya.

Suria pun bergegas memanggil Tina.

“Tina, ke mari adikku,” panggil Suraya. Tina hanya tunduk. Mata kuyupnya memaku lantai bilik. Dia berjalan perlahan-lahan menghampiri Suraya.

Suraya kemudian mendakap Tina erat-erat. Tega masih menangis di sisi mereka. Suria mula menitikkan air mata. Hatinya benar-benar diusik kesayuan melihat adegan pilu itu.

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman **Sanggar Kreatif, Kembara, BH Ahad** melalui e-mel **bhsastera@bh.com.my**. Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,700 perkataan.

